



07 AUG, 2021

390kg buah tempatan disumbangkan kepada petugas PPV

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

390kg buah tempatan disumbangkan kepada petugas PPV

Bera: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang menyumbangkan sebanyak 390 kilogram pelbagai jenis buah-buahan kepada petugas barisan hadapan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Dewan Konvensyen Majlis Daerah Bera (MDB), di sini, kelmarin.

Pengarah FAMA Pahang, Noh Nik Wan, berkata, ini kali pertama pihaknya terbabit menguruskan sumbangan buah-buahan bermusim kepada petugas barisan hadapan di negeri ini yang terdiri daripada doktor, pegawai perubatan, jururawat dan sukarelawan.

Katanya, sebanyak 50 kilogram (kg) buah durian jenis kampung, 100kg timun 120kg rambutan dan 120kg manggis diserahkan kepada petugas PPV berkenaan.

“Usaha ini sebagai menghargai jasa petugas barisan hadapan yang banyak berkorban dalam memastikan wabak COVID-19 tidak terus menular dalam kalangan masyarakat di daerah ini. Kita mendoakan supaya mereka terus dilindungi seterusnya dapat terus memikul tugas yang diamanahkan,” katanya di sini, kelmarin.

Majlis penyerahan buah-buahan musim itu dilakukan, Pegawai FAMA Daerah Bera, Hazimin Sulong kepada Pengurus PPV Dewan Konvensyen MDR, Dr Aidil Asyraf Mohamed.

Dr Aidil Asyraf berkata, lebih 50 kakitangan Kementerian Kesihatan dan sukarelawan bertugas di PPV itu setiap hari bagi pemberian vaksin COVID-19 kepada masyarakat setempat.



07 AUG, 2021

390kg buah tempatan disumbang kepada petugas PPV

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Bera: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang menyumbangkan sebanyak 390 kilogram pelbagai jenis buah-buahan kepada petugas barisan hadapan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Dewan Konvensyen Majlis Daerah Bera (MDB), di sini, kelmarin. Pengarah FAMA Pahang, Noh Nik Wan, berkata, ini kali pertama pihaknya terbabit menguruskan sumbangan buah-buahan bermusim kepada petugas barisan hadapan di negeri ini yang terdiri daripada doktor, pegawai perubatan, jururawat dan sukarelawan.